

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

WEBINAR AKADEMIK FIN 358: TECHNICAL AND FUNDAMENTAL ANALYSIS

Penulis: Umi Insyirah Pakasa, Joycelyne Nyandang, Nur Ain Abu Bakar,
Norazimah Mejri, dan Azlan Yusof Punding

MUKAH, 3 Jan – Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan Webinar Pemantapan Akademik bagi kod kursus FIN358 (*Investment Management*) yang memfokuskan kepada dua subtopik penting iaitu *Fundamental* dan *Technical Analysis*. Kedua-dua subtopik ini merupakan komponen utama dalam kerja kursus yang menyumbang sebanyak 30% daripada jumlah pemarkahan keseluruhan.


Webinar yang diadakan secara dalam talian melalui platform Webex ini telah dihadiri oleh seramai 130 orang pelajar Semester 5 dari program Diploma Pengajian Perniagaan (BA111) dan Diploma Pengajian Perbankan (BA119).



Antara topik yang dibincangkan bersama penceramah jemputan, Cik Harisa Nabila

Tujuan penganjuran webinar ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar berkenaan transaksi saham dan analisis saham di Bursa Malaysia, menyampaikan maklumat serta penerangan tentang *Fundamental* dan *Technical Analysis*, membantu pelajar dalam pemilihan kes bagi kajian kerja kursus, mengaplikasikan ilmu, teknik dan kefahaman terhadap transaksi pelaburan serta memberi tunjuk ajar berkaitan teknik asas dalam analisis pelaburan dan pelaporan berdasarkan prestasi kewangan syarikat.

Sepanjang bengkel yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang, pelajar telah didedahkan dengan maklumat mendalam berkaitan *Fundamental* and *Technical Analysis* melalui dua sesi ceramah yang dikendalikan oleh seorang moderator dan dibantu oleh tiga orang fasilitator dalam kalangan pensyarah.



Penceramah jemputan dan peserta webinar

Turut hadir sebagai penceramah jemputan ialah Cik Harisa Nabila yang berkongsi ilmu dan pengalaman beliau berkenaan strategi analisis pelaburan yang berkesan. Webinar ini telah memberikan impak positif kepada mahasiswa dalam meningkatkan kefahaman mereka terhadap aspek analisis pelaburan, selari dengan keperluan dan objektif kursus bagi membentuk kemahiran teknikal asas dalam bidang pelaburan.

Selain itu, pendedahan kepada instrumen dan mekanisme pelaburan turut membantu mahasiswa menghasilkan laporan kerja kursus yang lebih berkualiti. Webinar diakhiri dengan sesi fotografi bersama para peserta, penceramah jemputan, dan ahli jawatankuasa pelaksana program.